

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN PETAK
PENGECASAN KENDERAAN ELEKTRIK
(EVCB) NEGERI PULAU PINANG
(TAMBAHAN)**

**Berkuatkuasa
1 OGOS 2024**

PEMBERITAHUAN

Garis Panduan Perancangan (GPP) ini telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara Kali Ke-42 Bil.2/2023 pada 18 September 2023. Bagi tujuan penyelarasan di peringkat negeri, GPP ini juga telah diangkat di dalam Mesyuarat MMK Perancangan Bandar Bil.1/2024 pada 18 Mac 2024 seterusnya Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.7/2024 pada 30 Julai 2024.

GPP ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain sama ada dari segi subjek atau kandungan yang disediakan di bawah peruntukan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang.

Perlaksanaan dan penguatkuasaan GPP ini perlu diselaras dengan rancangan pemajuan (RT/RKK) yang sedang disediakan atau berkuatkuasa di kawasan PBT. Ia juga perlu merujuk kepada dasar, pekeliling dan piawaian yang digubal dan dikuatkuasa oleh PBT berpandukan skop kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang, serta garis panduan perancangan lain yang digubal oleh PBT dari semasa ke semasa.

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) Negeri Pulau Pinang ini disediakan bagi memandu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua agensi berkepentingan dalam merancang tata letak, mereka bentuk dan penetapan perancangan penyediaan EVCB khususnya di dalam Negeri Pulau Pinang. Ia digunakan sebagai panduan dalam membuat pertimbangan semasa Permohonan Kebenaran Merancang.

Garis Panduan Perancangan (GPP) ini juga disediakan bagi mencapai sasaran EVCB di setiap negeri bagi merealisasikan sasaran 10,000 EVCB menjelang 2025. Sasaran yang telah ditetapkan bagi Negeri Pulau Pinang adalah 600 ECVB menjelang 2025 dengan pecahan MBPP sebanyak 300 petak dan MBSP sebanyak 300 petak.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia melalui surat bertarikh 25 September 2023 memaklumkan bahawa **Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-42 Bil.2/2023 pada 18 September 2023** telah meluluskan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB).

2.2 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang) dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengadakan bengkel bagi menyelaras pelaksanaan GPP ini pada 4 Mac 2024 melibatkan agensi-agensi negeri dan PBT untuk mendapatkan input-input teknikal seterusnya menetapkan kesesuaian pelaksanaan mengikut kategori permohonan cadangan pemajuan baharu atau

pemajuan sedia ada.

- 2.3 GPP ini juga telah diangkat di dalam **MMK Perancangan Bandar Bil.1/2024** pada **18 Mac 2024** dan memutuskan garis panduan ini perlu diselaras mengikut keperluan dan kepentingan kedua-dua PBT sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) bagi tujuan pelaksanaan.
- 2.4 Mesyuarat **Penyelarasan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecapan Kenderaan Elektrik (EVCB) Bil.1/2024** pada **13 Mei 2024** dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa telah memperaku beberapa ketetapan penyesuaian dan dipersetujui untuk diangkat ke Mesyuarat JPN.
- 2.5 GPP juga telah dibentang di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 7/2024 bertarikh 30 Julai 2024** dan bersetuju meluluskan pelaksanaan garis panduan perancangan ini.

3.0 PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN EVCB

A. BILANGAN PETAK

- 3.1 Bagi tujuan pelaksanaan, garis panduan perancangan ini menetapkan dua (2) kategori utama iaitu bagi permohonan baharu pemajuan perumahan strata berbilang tingkat dan pemajuan komersial.
- 3.2 Pemaju yang membuat permohonan pemajuan perumahan strata berbilang tingkat perlu menyediakan 1% *EVCB* dari keseluruhan tempat letak kenderaan (TLK) atau minimum dua (2) *EVCB* disediakan di TLK pelawat atau boleh dibuat secara berasingan.

- 3.3** Pemaju yang membuat permohonan komersial perlu menyediakan 1% *EVCB* dari keseluruhan tempat letak kereta atau minimum lima (5) *EVCB* disediakan di TLK pelawat atau boleh dibuat secara berasingan.
- 3.4** Sebarang pertambahan bilangan *EVCB* melebihi daripada keperluan minimum boleh dibenarkan dan digalakkan.
- 3.5** Penentuan keperluan bilangan *EVCB* bagi pemajuan sedia ada yang ingin menyediakan *EVCB* adalah tertakluk kepada pertimbangan PBT dan permintaan pemajuan berkenaan.
- 3.6** Garis Panduan Petak Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP *EVCB*) dan Prosedur Permohonan Pemajuan yang disediakan oleh pihak PLANMalaysia perlu dibaca bersama Garis Panduan Garis Panduan Petak Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP *EVCB*) Negeri Pulau Pinang (Tambahan) untuk pelaksanaan di dalam Negeri Pulau Pinang.

B. PERJANJIAN PENGOPERASIAN

- 3.7** *EVCB* yang disediakan oleh pemaju (bagi pemajuan perumahan berstrata) hendaklah bersekali dengan pemasangan peranti pengecasan kenderaan elektrik (*Elektrik Vehicle Charge Point - EVCP*) dan sedia untuk digunakan sebelum diserahkan kepada PBT.
- 3.8** Perjanjian antara PBT dan pihak pemaju sebelum penyerahan fasiliti hendaklah disediakan dan perjanjian tersebut perlu dipersetujui bersama. PBT perlu meneliti tempoh berjanjian, kaedah perkongsian keuntungan (*profit sharing*), penyelenggaraan *EVCP* serta lain-lain

klausa yang boleh mewujudkan situasi menang-menang bagi tujuan galakkan kepada pemaju-pemaju lain menyediakan EVCB.

- 3.9** PBT boleh mengendali EVCB berkenaan atau melantik pihak *Charge Point Operator (CPO)* sebagai pengendali pihak ketiga apabila tempoh perjanjian dengan pemaju yang menyediakan EVCP telah tamat.
- 3.10** Pihak pemohon atau CPO boleh membuat satu usahasama atau kerjasama bersama pihak kerajaan, swasta, persatuan atau individu bagi pelaksanaan atas tanah bukan milik pemohon atau milik CPO melalui perjanjian kontrak atau lain – lain kaedah. Perjanjian usahasama berkenaan boleh mengikat pihak yang terlibat dalam penyediaan EVCP.

C. PENGECUALIAN PENYEDIAAN

- 3.11** Bagi maksud pengecualian penyediaan EVCB, beberapa jenis pemajuan kategori komersial boleh dipertimbang. Ia masih tertakluk kepada keperluan PBT dan permintaan bagi kawasan berkenaan.

Jenis pemajuan adalah seperti berikut;

- a. Perniagaan
- i. Kedai jenis teres, berkembar dan sesebuah;
 - ii. Rumah kedai jenis teres, berkembar dan sesebuah;
 - iii. Pejabat jenis sesebuah;
 - iv. Restoran jenis sesebuah;
 - v. Arked/Bazar;
 - vi. Pasar Borong; dan
 - vii. Pasar Basah dan Kering;

- b. Perniagaan Kegunaan Khusus (swasta);
 - i. Pendidikan;
 - ii. Kesihatan;
 - iii. Kemudahan sukan dan rekreasi;
 - iv. Pertubuhan;
 - v. Tapak Bazar;
 - vi. Pusat Jagaan;
 - vii. Perkuburan/kolumbarium;
 - viii. Asrama Pekerja / Pekerja Asing dan;

- c. Lain-lain projek pemajuan yang ditentukan oleh PBT / Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dari semasa ke semasa.

4.0 PEMAKAIAN

GPP diselaras mengikut kesesuaian di Negeri Pulau Pinang berdasarkan piawaian yang dinyatakan di perkara 3.0. Walau bagaimanapun, pihak pemohon/pemaju atau CPO perlu mendapatkan perakuan daripada TNB/Pemegang Lesen Awam Pengagihan terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan pemajuan yang baharu atau memohon untuk menyedia EVCB dan memasang EVCP di atas pemajuan sedia ada.

5.0 PENUTUP

Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) Negeri Pulau Pinang ini perlu dibaca bersama dengan **Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB)** yang disediakan oleh pihak PLANMalaysia Ibu Pejabat dan ia berkuatkuasa 1 Ogos 2024.

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PETAK PENGEKASAN KENDERAAN ELEKTRIK (EVCB)



Sumber : mytownnet.planmalaysia.gov.m (PLANMalaysia)